

PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

Forum

Kakitangan sokongan penting dalam kejayaan institusi, agensi

KAKITANGAN sokongan memainkan peranan yang amat penting dalam membantu pihak pengurusan memajukan sebuah institusi atau agensi. Mereka bukan sahaja bertindak sebagai tulang belakang organisasi, tetapi menjadi pemudar cara dalam melancarkan operasi harian.

Tanpa kakitangan sokongan yang cekap dan berdedikasi, organisasi akan berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mencapai matlamat strategik. Setiap tugas yang dilakukan, walaupun kelihatan kecil, mempunyai impak besar terhadap kelancaran fungsi keseluruhan institusi.

Kakitangan sokongan dalam sebuah institusi terdiri daripada pelbagai jawatan penting, seperti pegawai pentadbiran, penyelidik, juruteknik, pegawai kewangan serta pekerja sokongan seperti pemandu dan penyelia kebersihan. Setiap individu dalam kategori ini memainkan peranan yang tidak ternilai dalam memastikan kejayaan sesetua organisasi. Sebagai contoh, kakitangan pentadbiran memastikan dokumentasi dan komunikasi antara jabatan berjalan lancar, manakala juruteknik memastikan peralatan dan teknologi berfungsi dengan baik agar operasi harian dapat dijalankan tanpa halangan.

Dalam sektor pendidikan, peranan kakitangan sokongan sangat ketara kerana mereka memberi sokongan langsung kepada pihak pengurusan dan tenaga pengajar. Pegawai pentadbiran bertanggungjawab dalam menguruskan jadual kelas, menyelenggarakan rekod pelajar dan menyelaras kurikulum yang perlu diikuti oleh guru maupun pelajar.

Sektor kesihatan tidak terkecuali. Jururawat, pembantu perubatan dan pegawai pentadbiran adalah antara mereka yang membantu doktor dan pegawai kesihatan dalam memberikan perkhidmatan yang efisien kepada pesakit. Tanpa mereka, operasi hospital atau klinik akan terjejas dan pesakit mungkin terpaksa menghadapi kesulitan.

Bagi memastikan kakitangan sokongan dapat berperanan dengan lebih efektif, pihak pengurusan perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif. Antaranya dengan menyediakan latihan berkala, memberi ganjaran setimpal dengan sumbangan serta menyediakan laluan kerja yang jelas untuk membolehkan mereka berkembang dalam organisasi. Dengan memberi perhatian kepada pembangunan profesional kakitangan sokongan, organisasi akan dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti sekali gus mencapai matlamat.

Selain itu, penggunaan teknologi digital dalam pengurusan institusi juga boleh membantu meningkatkan kecekapan kerja. Sistem pengurusan yang berautomasi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih pantas dan efisien.


Hubungan antara kakitangan sokongan dan pihak pengurusan juga perlu diperkuatkan melalui komunikasi yang efektif dan penghargaan terhadap sumbangan mereka. Dalam banyak organisasi yang berjaya, pihak pengurusan mengamalkan budaya keterbukaan di mana kakitangan sokongan boleh menyuarakan cadangan dan pandangan bagi memperbaiki sistem kerja.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan semangat kerja tetapi juga membawa kepada inovasi dalam pengurusan organisasi. Dengan komunikasi yang jelas dan penghargaan sewajarnya, kakitangan sokongan akan rasa dihargai dan terdorong untuk memberikan perkhidmatan terbaik.

Negara-negara maju membuktikan dengan memberikan latihan dan pengiktirafan yang sewajarnya, kakitangan sokongan boleh menjadi aset yang amat bernilai kepada institusi dan organisasi.

MOHD NIZAM MD. ISA

Presiden Kesatuan Kakitangan Sokongan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
(UMPSA)



DENGAN latihan dan pengiktirafan yang sewajarnya, kakitangan sokongan boleh menjadi aset yang amat bernilai kepada institusi dan organisasi. - GAMBAR HIASAN